

# Lakastah Mengail bersama Al-Hijrah

**Lakastah MENGAIL**

**B\$38**  
seorang  
minima (4 orang)

\*Percuma Umpan  
\*Sarapan Pagi (Bungkus)  
\*Seorang Jurumudi

**DAFTAR SEKARANG**  
Terakhir kepada seorang perubahan dari masa ke masa.

2233281 8647280

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 19 Oktober. - Pakej Lakastah Mengail yang dikelola oleh Al-Hijrah Travel and Tours Sdn. Bhd. (Al-Hijrah) semakin

mendapat sambutan yang hangat dalam kalangan penduduk tempatan sejak ia mula dibukakan kepada orang ramai bermula 14 September lalu.

Pengarah Urusan Al-Hijrah, Awang Haji Shamsul Baharin bin Haji Abdul Rahman semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei baru-baru ini menjelaskan, pakej berkenaan berharga BND38 sahaja dengan minimum seramai empat peserta dalam satu pakej.

"Pihak Al-Hijrah akan membawa para pelanggan yang menempah pakej tersebut di sekitar perairan Brunei, lokasinya tidaklah jauh sangat, tetapi pastinya akan memberikan pelanggan kami pengalaman bersantai, di samping aktiviti mengail.

"Manakala hasil yang diperoleh adalah menjadi hak pelanggan itu sendiri, pihak Al-Hijrah tidak akan mengambil mana-mana hasil yang diperoleh oleh para pelanggan. Jenis ikan yang pernah diperoleh oleh pelanggan kami adalah seperti Ikan Tambak-Tambak, Ikan Kerapu, Ikan Putih, Ikan Basung-Basung, Ikan Tamban dan banyak lagi," terangnya.

Pakej yang bermula jam 7.00 pagi dan berakhir pada jam 2.00 petang tersebut turut menyediakan umpan percuma, sarapan pagi (bungkus) dan seorang jurumudi, jelasnya.

Manakala antara peralatan yang perlu dibawa oleh pelanggan ialah kail sahaja, terang beliau lagi.

Terdahulu, Awang Haji Shamsul Baharin menjelaskan, bagi keselamatan para peserta yang mengikuti pakej berkenaan, setiap pelanggan adalah



**PENGARAH** Urusan Al-Hijrah, Awang Haji Shamsul Baharin bin Haji Abdul Rahman (kanan) semasa ditemu bual.

Oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin, Ihsan Al-Hijrah

diwajibkan untuk menggunakan *life jacket*, selain turut dilengkapi dengan insurans kemalangan diri (*personal accident insurance*).

"Pihak pengurusan memang sentiasa akan memastikan langkah-langkah keselamatan adalah dipatuhi dan sebelum berangkat, Doa Safar dan Doa Selamat akan dibacakan bagi memohon keberkatan keselamatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala," ujarnya lagi.

Al-Hijrah merupakan syarikat pelancongan yang berdaftar di

Negara Brunei Darussalam yang mula beroperasi pada tahun lalu, kini menyediakan pakej cuti-cuti Brunei bermula Oktober hingga Disember 2020.

Antara pakej yang ditawarkan, seperti Temburong Day Trip dan Pakej Team Building dengan harga menarik dan berpatutan yang merupakan usaha sama yang dibuat di antara Al-Hijrah bersama Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

## Barigakan kepentingan bahasa Arab

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Ihsan Abdul Rashid Haji Zainie



**PENGERUSI** Badan Pelajar Fakulti Bahasa Arab, UNISSA, Awang Abdul Rashid bin Haji Zainie semasa ditemu bual.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 19 Oktober. - Fakulti Bahasa Arab, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dengan kerjasama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam (NBD) mengendalikan Karnival Bahasa Arab bermula dari 5 Oktober sehingga 19 Disember ini.

Pengerusi Badan Pelajar Fakulti Bahasa Arab, UNISSA, Awang Abdul Rashid bin Haji Zainie semasa ditemu bual baru-baru ini, antara lain menjelaskan, karnival berkenaan adalah sempena menyambut Hari Bahasa Arab Sedunia di NBD.

Awang Abdul Rashid juga menyatakan sebanyak 12 aktiviti dipertandingkan di sepanjang

karnival lebih dua bulan itu berlangsung, iaitu lakonan, memasak, Tausyeh, Mari Bercerita, Penulisan Kreatif, Video Kreatif, Khat, Imlaa, Treasure Hunt, Khutbah, Coral Speaking dan Membaca.

Karnival yang diadakan dengan pelbagai aktiviti itu nanti diharap akan dapat mewujudkan persekitaran bahasa Arab yang kondusif, selain memberikan peluang dan ruang kepada para pelajar untuk berinteraksi dalam bahasa Arab sesama sendiri dan sesama tenaga pelajar di UNISSA dan KUPU SB juga bersama para pelajar dari luar agar kecenderungan mereka terhadap bahasa Arab dan keyakinan diri untuk bertutur dapat dipertingkatkan.

Selain itu, ia dapat membarigakan kepentingan bahasa Arab sebagai bahasa Al-Quran, bahasa ibadat, bahasa ilmu dan bahasa tamadun kepada masyarakat serta meningkatkan kepekaan masyarakat terhadap bahasa Arab dengan menonjolkan usaha, inisiatif dan kejayaan negara, institusi dan individu yang berkaitan.

Di samping mengukuhkan kerjasama dengan Kedutaan-kedutaan Arab di negara ini, terutama sekali Kedutaan Arab Saudi dalam sama-sama mempergiat penggunaan bahasa Arab di negara ini, ia juga sekali gus merealisasikan gagasan Negara Zikir dengan memartabatkan penggunaan bahasa Arab di negara ini.

## Pendaftaran Kursus Asas AutoCAD masih dibukakan

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Infografik : Ihsan Institut Pendidikan Teknikal Brunei

**IBTE**  
Institute of Brunei Technical Education

Continuing Education and Training Division (CET)  
Institute of Brunei Technical Education  
Simpang 347 Jalan Pasar Baharu  
Gadong BE 1310  
Negara Brunei Darussalam  
Email: cet@ibte.edu.bn

### AUTOCAD BASIC COURSE

|  |   |
|--|---|
| <p><b>COURSE DESCRIPTION</b></p> <p>Participants will learn how to use the basic AutoCAD command and tools to construct 2D drawings and interpret 2D drawing projections.</p>  | <p><b>COURSE DATE &amp; DURATION</b></p> <p><b>Date:</b> 9 November - 8 December 2020<br/><b>Day:</b> Every Monday, Tuesday &amp; Wednesday<br/><b>Time:</b> 7.00 pm - 9.00 pm<br/>7.00 pm - 10.00 pm (on 8 Dec 2020)<br/><b>Duration:</b> 29 Hours</p> |
| <p><b>COURSE REQUIREMENTS</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• One (1) copy of Identity Card</li> <li>• Must be 18 years old and above</li> <li>• Applicant should have basic knowledge and skill of using a computer</li> </ul> | <p><b>COURSE FEE</b></p> <p>\$290.00 (Citizen)<br/>\$435.00 (Non-citizen)</p>   |
| <p><b>COURSE VENUE</b></p> <p>IBTE Business Campus, Gadong</p>   | <p><b>REGISTRATION IS NOW OPEN UNTIL 24TH OCTOBER 2020</b></p>  |

Interested applicants can register by:

- Downloading the registration form (CET/RSA/002) at tinyurl.com/BorangCet
- Submitting the completed form together with a copy of IC to cet@ibte.edu.bn

For further enquiries:

2422493 (during office hours) Pendidikan Lanjutan dan Latihan ibtecet

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 19 Oktober. - Orang ramai, khususnya mereka yang berminat untuk meningkatkan kemahiran dalam bidang lukisan 2D dialu-alukan untuk mengikuti Kursus Asas AutoCAD, yang ditawarkan oleh Bahagian Pendidikan Lanjutan dan Latihan, Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE CET).

Kursus tersebut akan diadakan bermula 9 November hingga 8 Disember 2020, setiap Isnin, Selasa dan Rabu, bermula jam 7.00 malam hingga 9.00 malam, di IBTE Kampus Bisnes, Gadong.

Kursus berkenaan bertujuan untuk membantu mempertingkatkan lagi kemahiran para peserta yang boleh digunakan dalam pekerjaan.

Di samping itu, ia bertujuan untuk memberikan kemahiran asas kepada para peserta yang berhasrat untuk memohon pekerjaan yang mengutamakan kemahiran dalam bidang ini.

Semua peserta yang akan mengikuti kursus ini akan mempelajari fungsi asas aplikasi tersebut bagi menghasilkan dan memaparkan lukisan dalam bentuk 2D.

Pendaftaran masih dibukakan sehingga 24 Oktober 2020.

Yuran pendaftaran bagi mengikuti kursus berkenaan adalah BND290 bagi rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan BND435 bagi warga asing.

Bagi maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi IBTE CET menerusi talian +673 2422493 semasa waktu pejabat atau melayari akaun Instagram @ibtecet.